

**PROMOSI HLB CONNECT AWARDS 2023 ([English Version](#))**

Kemas Kini Terakhir 23 Jun 2023

**TEMPOH PROMOSI**

“Promosi HLB Connect Awards 2023” (“Promosi”) Hong Leong Bank Berhad (193401000023 (97141-X)) (“HLB”) dan Hong Leong Islamic Bank Berhad (200501009144 (686191-W)) (“HLISB”) (“selepas ini secara kolektif dirujuk sebagai “Bank”) bermula pada 01 Julai 2023 dan berakhir pada 31 Julai 2023 (“Tempoh Promosi”), termasuk kedua-dua tarikh, melainkan diberitahu sebaliknya.

**TERMA & SYARAT**

Berikut ialah terma dan syarat yang terpakai untuk Promosi ini (“T&S”):

**KELAYAKAN**

1. Promosi ini terbuka kepada pelanggan individu HLB Connect Online dan/atau HLB Connect App (selepas ini secara kolektif dirujuk sebagai “HLB Connect”) dengan Akaun Semasa atau Akaun Simpanan HLB/Akaun Semasa-i atau Akaun Simpanan-i HLISB (“CASA/CASA-i”) (selepas ini dirujuk sebagai “Pelanggan”).
2. Bank berhak untuk membatalkan kelayakan mana-mana Pelanggan yang:
  - (i) pada masa lalu telah melakukan, atau pada masa ini disyaki melakukan perbuatan penipuan, menyalahi undang-undang atau salah berhubung dengan sebarang kemudahan yang diberikan oleh Bank;
  - (ii) sedang menghadapi prosiding kebangkrutan, atau telah diisytiharkan mufliis sama ada sebelum, semasa atau selepas Tempoh Promosi; dan/atau
  - (iii) telah melanggar mana-mana terma dan syarat CASA/CASA-i, Terma dan Syarat Am Akaun serta Terma dan Syarat untuk penggunaan HLB Connect pada bila-bila masa sebelum, semasa atau selepas Tempoh Promosi.

**TATACARA PROMOSI DAN PEMILIHAN PEMENANG**

3. Untuk menyertai Promosi, Pelanggan mesti memenuhi prasyarat berikut:
  - (i) **mendaftar untuk HLB Connect** di antara 19 Jun 2023 hingga 31 Julai 2023 (hanya terpakai untuk pengguna HLB Connect baharu); dan/atau
  - (ii) **melog masuk ke HLB Connect Online dan/atau HLB Connect App** dan **melakukan Transaksi yang Layak** (seperti yang dinyatakan dalam Jadual 3 di bawah) dari 01 Julai 2023 hingga 31 Julai 2023 untuk **memperoleh mata** untuk penyertaan seperti yang dinyatakan dalam Jadual 3 di bawah (“Mata”).

(Pelanggan yang telah memenuhi syarat yang dinyatakan di bawah Klausula 3 di atas selepas ini dirujuk sebagai “Pelanggan yang Layak”).

4. Pelanggan yang Layak yang memenuhi syarat yang ditetapkan di bawah Klausula 3 akan bertanding untuk memenangi pulangan tunai (“Pulangan Tunai”) seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 1 di bawah. Pelanggan yang Layak ini akan dikumpulkan di dalam satu (1) daripada lima (5) Kategori HLB Connect Awards (“Kategori”) untuk bertanding untuk memenangi Hadiah Utama, Hadiah Naib Johan atau Hadiah Saguhati (secara kolektif dirujuk sebagai “Hadiah”) seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 2 di bawah.

**Jadual 1**

<b>Pulangan Tunai</b>			
<b>Segmen Pulangan Tunai</b>	<b>Minggu Promosi</b>	<b>Kaedah Pemilihan Pemenang</b>	<b>Jumlah Peruntukan Mingguan</b>
<b>QR Pay – Pulangan Tunai Segera:</b> Dapatkan Pulangan Tunai RM0.10	<b>Minggu 1:</b> 01 Julai 2023 – 07 Julai 2023 (7 hari)	<ul style="list-style-type: none"> <li>• <b>Bayar peniaga DuitNow dengan QR Pay</b> (minimum RM10) menggunakan CASA/CASA-i melalui HLB Connect App.</li> <li>• Setiap Pelanggan yang Layak hanya boleh memenangi <b>Pulangan Tunai RM0.10</b> untuk setiap pembayaran QR dan <b>Pulangan Tunai sehingga RM3</b> setiap Minggu Promosi. Setiap Pelanggan yang Layak boleh memenangi <b>Pulangan Tunai sehingga RM12</b> daripada Pulangan Tunai Segera QR Pay sepanjang Tempoh Promosi.</li> <li>• Pulangan Tunai ini akan dikreditkan serta-merta ke dalam CASA/CASA-i Pelanggan yang Layak selepas menyelesaikan transaksi dengan berjaya. Pulangan Tunai Segera diberi berdasarkan siapa cepat dia dapat, terhad kepada kumpulan mingguan yang diperuntukkan untuk Promosi ini, seperti yang direkod oleh sistem Bank.</li> </ul>	RM18,000
	<b>Minggu 2:</b> 08 Julai 2023 – 14 Julai 2023 (7 hari)		RM18,000
	<b>Minggu 3:</b> 15 Julai 2023 – 21 Julai 2023 (7 hari)		RM18,000
	<b>Minggu 4:</b> 22 Julai 2023 – 31 Julai 2023 (10 hari)		RM18,000
<b>JomPAY – Pulangan Tunai Segera:</b> Dapatkan Pulangan Tunai 5%	<b>Minggu:</b> 13 Julai 2023 – 19 Julai 2023 (7 hari)	<ul style="list-style-type: none"> <li>• <b>Bayar bil dengan JomPAY</b> (minimum RM10) menggunakan CASA/CASA-i melalui HLB Connect.</li> <li>• Setiap Pelanggan yang Layak hanya boleh memenangi <b>Pulangan Tunai RM0.50</b> untuk setiap pembayaran bil dan <b>Pulangan Tunai sehingga RM2</b> setiap Minggu Promosi. Setiap Pelanggan yang Layak boleh memenangi <b>Pulangan Tunai sehingga RM6</b> daripada Pulangan Tunai Segera JomPAY dari 13 Julai 2023 hingga 31 Julai 2023.</li> <li>• Pulangan Tunai ini akan dikreditkan serta-merta ke dalam CASA/CASA-i Pelanggan yang Layak selepas menyelesaikan transaksi dengan berjaya. Pulangan Tunai Segera diberi berdasarkan dasar siapa cepat dia dapat, terhad kepada kumpulan mingguan yang diperuntukkan untuk Promosi ini, seperti yang direkod oleh sistem Bank.</li> </ul>	RM18,000
	<b>Minggu 2:</b> 20 Julai 2023 – 26 Julai 2023 (7 hari)		RM18,000
	<b>Minggu 3:</b> 27 Julai 2023 – 31 Julai 2023 (5 hari)		RM18,000

<b><u>Tambah Nilai Prabayar – Pulangan Tunai Segera:</u></b> Dapatkan Pulangan Tunai RM1	<b>Minggu 1:</b> 10 Julai 2023 – 16 Julai 2023 (7 hari)	<ul style="list-style-type: none"> <li>• <b>Lakukan Tambah Nilai Prabayar</b> (minimum RM10) menggunakan CASA/CASA-i melalui HLB Connect.</li> <li>• Setiap Pelanggan yang Layak hanya boleh memenangi <b>Pulangan Tunai RM1</b> untuk setiap tambah nilai prabayar dan <b>Pulangan Tunai sehingga RM2</b> setiap Minggu Promosi. Setiap Pelanggan yang Layak boleh memenangi <b>Pulangan Tunai sehingga RM6</b> daripada Pulangan Tunai Segera Tambah Nilai Prabayar dari 10 Julai 2023 hingga 31 Julai 2023.</li> <li>• Pulangan Tunai ini akan dikreditkan serta-merta ke dalam CASA/CASA-i Pelanggan yang Layak selepas menyelesaikan transaksi dengan berjaya. Pulangan Tunai Segera diberi berdasarkan siapa cepat dia dapat, terhadap kepada kumpulan mingguan yang diperuntukkan untuk Promosi ini, seperti yang direkod oleh sistem Bank.</li> </ul>	RM10,000
	<b>Minggu 2:</b> 17 Julai 2023 – 23 Julai 2023 (7 hari)		RM10,000
	<b>Minggu 3:</b> 24 Julai 2023 – 31 Julai 2023 (8 hari)		RM10,000
<b>Segmen Pulangan Tunai</b>	<b>Tarikh Promosi</b>	<b>Kaedah Pemilihan Pemenang</b>	<b>Jumlah Peruntukan Harian</b>
<b><u>FPX – Pulangan Tunai:</u></b> Dapatkan Pulangan Tunai 7%	<b>Hari Pertama:</b> 7 Julai 2023 (1 hari)	<ul style="list-style-type: none"> <li>• <b>Lakukan pembayaran FPX</b> (minimum RM15) menggunakan CASA/CASA-i melalui HLB Connect Online.</li> <li>• Setiap Pelanggan yang Layak hanya boleh memenangi <b>Pulangan Tunai sehingga RM3</b> setiap Tarikh Promosi. Setiap Pelanggan yang Layak boleh memenangi <b>Pulangan Tunai FPX sehingga RM6</b> sepanjang Tempoh Promosi.</li> <li>• Pulangan Tunai ini akan dikreditkan ke dalam CASA/CASA-i Pelanggan yang Layak pada 30 November 2023. Pulangan Tunai adalah atas dasar siapa cepat dia dapat sehingga jumlah peruntukan untuk setiap Tarikh Promosi habis.</li> </ul>	RM24,000
	<b>Hari Kedua:</b> 25 Julai 2023 (1 hari)		RM24,000

**Jadual 2**

<b>Hadiah</b> <i>Tempoh Promosi: Dari 01 Julai 2023 – 31 Julai 2023</i>				
<b>Kategori HLB Connect Awards</b>	<b>Segmen Hadiah &amp; Kaedah Pemilihan Pemenang</b>	<b>Jumlah Pemenang Setiap Kategori</b>		
		<b>Hadiah Utama</b>	<b>Hadiah Naib Johan</b>	<b>Hadiah Saguhati</b>

<p><b><u>Kategori A:</u></b> <b>New Beginning</b></p> <p><b>Definisi:</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Pengguna HLB Connect sedia ada yang tidak melog masuk ke HLB Connect selama lebih daripada 365 hari; pada 18 Jun 2023</li> </ul>	<p>(a) <b><u>Champions (iaitu “Hadiah Utama”): Yamaha Ego Avantiz</u></b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li><b>Dua (2) Pemenang daripada setiap Kategori.</b> Pelanggan yang Layak yang mengumpul Mata tertinggi (dua (2) Pemenang boleh mempunyai bilangan Mata yang sama atau Mata pertama dan kedua tertinggi) pada penghujung Tempoh Promosi.</li> <li>Sebanyak <b>sepuluh (10) Pemenang</b> daripada semua Kategori akan dipilih sepanjang Tempoh Promosi.</li> </ul> <p>(b) <b><u>Runner-ups (iaitu “Hadiah Saguhati”): MHgiftcard bernilai RM1,000</u></b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li><b>Tujuh (7) Pemenang</b> daripada setiap Kategori. Pelanggan yang Layak yang mengumpul Mata ke-3 hingga ke-9 tertinggi pada penghujung Tempoh Promosi.</li> <li>Sebanyak <b>tiga puluh lima (35) Pemenang</b> daripada semua Kategori akan dipilih sepanjang Tempoh Promosi.</li> </ul> <p>(c) <b><u>Finalists (iaitu “Hadiah Saguhati”): Pulangan Tunai RM77</u></b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li><b>Dua Puluh (20) Pemenang</b> daripada setiap Kategori. Pelanggan yang Layak yang mengumpul Mata ke-10 hingga ke-29 tertinggi pada penghujung Tempoh Promosi.</li> </ul>	2	7	20
<p><b><u>Kategori B:</u></b> <b>Best Comeback</b></p> <p><b>Definisi:</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Pengguna HLB Connect sedia ada yang tidak melog masuk ke HLB Connect selama lebih daripada 90 hari dan sehingga 364 hari; pada 18 Jun 2023</li> </ul>		2	7	20
<p><b><u>Kategori C:</u></b> <b>Rising Star</b></p> <p><b>Definisi:</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Pengguna HLB Connect sedia ada yang telah melog masuk ke HLB Connect dalam tempoh 90 hari yang lalu dan tidak melakukan lebih daripada dua (2) jenis transaksi kewangan; pada 18 Jun 2023</li> </ul>		2	7	20
<p><b><u>Kategori D:</u></b> <b>Super User</b></p> <p><b>Definisi:</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Pengguna HLB Connect sedia ada yang telah melog masuk ke HLB Connect dalam tempoh 90 hari yang lalu dan telah melakukan 3 atau lebih jenis transaksi kewangan; pada 18 Jun 2023</li> </ul>		2	7	20

<p><b>Kategori E:</b> <b>Outstanding Rookie</b></p> <p><b>Definisi:</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Pengguna HLB Connect baharu yang mendaftar untuk HLB Connect dari 19 Jun 2023 – 31 Julai 2023 dan melakukan sekurang-kurangnya satu (1) transaksi kewangan</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Sebanyak <b>seratus (100) Pemenang</b> daripada semua Kategori akan dipilih sepanjang Tempoh Promosi.</li> </ul>	2	7	20
--	---	---	---	----

- Bank akan mengumpulkan Pelanggan yang Layak di dalam satu (1) daripada lima (5) Kategori. Sebagai sebahagian daripada proses pemilihan Pemenang untuk Hadiah Utama, Hadiah Naib Johan dan Hadiah Saguhati, Bank akan memperuntukkan Mata kepada setiap Pelanggan yang Layak untuk setiap Transaksi yang Layak yang berjaya dilakukan semasa Tempoh Promosi seperti ditunjukkan dalam Jadual 3 di bawah.
- Pelanggan yang Layak dari Kategori masing-masing yang mengumpul Mata tertinggi daripada melakukan Transaksi yang Layak yang disenaraikan dalam Jadual 3 di bawah akan memenangi Hadiah berdasarkan siapa cepat dia dapat, sehingga jumlah bilangan Pemenang untuk setiap Kategori telah diperuntukkan sepenuhnya, seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 2 di atas.

**Jadual 3**

<b>Transaksi yang Layak</b>	<b>Mata</b>
Lakukan <b>Pemindahan ke Luar Negara</b> melalui HLB Connect Online	<p align="center"><b>20 Mata</b> bagi pemindahan yang berjaya.</p>
Labur unit baharu atau tambah dana unit amanah sedia ada dengan <b>HLB Wealth</b> (minimum RM50 setiap dana unit amanah) melalui HLB Connect Online  <i>Pelaburan Unit Amanah tidak dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM). Wang yang dikeluarkan daripada deposit anda yang diinsuranskan tidak lagi dilindungi oleh PIDM jika dipindahkan ke akaun bukan deposit. Contohnya, Unit Amanah, ASNB, Akaun Pelaburan-i, dll</i>	<p align="center"><b>20 Mata</b> bagi pelaburan unit amanah baharu atau menambah dana unit amanah sedia ada yang berjaya.</p>
Labur dana <b>ASNB</b> baharu atau tambah dana sedia ada (minimum RM50 setiap pelaburan) melalui HLB Connect Online  <i>Pelaburan ASNB tidak dilindungi oleh PIDM. Wang yang dikeluarkan daripada deposit anda yang diinsuranskan tidak lagi dilindungi oleh PIDM jika dipindahkan</i>	<p align="center"><b>20 Mata</b> bagi pelaburan baharu atau menambah dana sedia ada yang berjaya.</p>

<p><i>ke akaun bukan deposit. Contohnya, Unit Amanah, ASNB, Akaun Pelaburan-i, dll</i></p>	
<p>Mohon <b>Pelan Quick Cash/Balance Transfer/Flexi Payment Plan</b> melalui HLB Connect</p>	<p><b>20 Mata</b> bagi permohonan yang berjaya.</p> <p><b>Catatan:</b> Pelanggan yang Layak hanya boleh memperoleh maksimum 40 Mata untuk Transaksi yang Layak ini sepanjang Tempoh Promosi.</p>
<p>Letak <b>eDeposit Tetap/eDeposit Tetap-i</b> melalui HLB Connect</p> <p><i>eDeposit Tetap/eDeposit Tetap-i dilindungi oleh PIDM sehingga RM250,000 untuk setiap pendeposit</i></p>	<p><b>20 Mata</b> bagi peletakan yang berjaya.</p> <p><b>Catatan:</b> Pelanggan yang Layak hanya boleh memperoleh maksimum 20 Mata untuk Transaksi yang Layak ini sepanjang Tempoh Promosi.</p>
<p>Mohon <b>Kad Kredit HLB</b> melalui HLB Connect Online</p>	<p><b>20 Mata</b> bagi penyerahan permohonan yang berjaya.</p> <p><b>Catatan:</b> Pelanggan yang Layak hanya boleh memperoleh maksimum 20 Mata untuk Transaksi yang Layak ini sepanjang Tempoh Promosi.</p>
<p>Mohon <b>Pinjaman Peribadi/Pembiayaan Peribadi-i</b> melalui HLB Connect Online</p>	<p><b>20 Mata</b> bagi penyerahan permohonan yang berjaya.</p> <p><b>Catatan:</b> Pelanggan yang Layak hanya boleh memperoleh maksimum 20 Mata untuk Transaksi yang Layak ini sepanjang Tempoh Promosi.</p>
<p>Buka <b>Akaun Junior 3-dalam-1/Akaun Junior 3-dalam-1-i</b> melalui HLB Connect Online</p> <p><i>Akaun Junior 3-dalam-1/Akaun Junior 3-dalam-1-i dilindungi oleh PIDM sehingga RM250,000 untuk setiap pendeposit</i></p>	<p><b>10 Mata</b> bagi pembukaan akaun yang berjaya.</p>
<p>Tukar MYR kepada mata wang asing (minimum RM10 setiap penukaran) dengan <b>Ciri Pelbagai Mata Wang Akaun Pay&amp;Save/Akaun Pay&amp;Save-i atau Akaun HLB Wallet/Akaun HLB Wallet-i</b> melalui HLB Connect</p>	<p><b>10 Mata</b> bagi penukaran yang berjaya.</p> <p><b>Catatan:</b> Pelanggan yang Layak hanya boleh memperoleh maksimum 50 Mata untuk Transaksi yang Layak ini sepanjang Tempoh Promosi.</p>
<p>Buka <b>Akaun HLB Wallet/Akaun HLB Wallet-i</b> melalui Apply@HLB App</p> <p><i>Akaun HLB Wallet/Akaun HLB Wallet-i dilindungi oleh PIDM sehingga RM250,000 untuk setiap pendeposit</i></p>	<p><b>10 Mata</b> bagi pembukaan akaun yang berjaya.</p> <p><b>Catatan:</b> Pelanggan yang Layak hanya boleh memperoleh maksimum 10 Mata untuk Transaksi yang Layak ini sepanjang Tempoh Promosi.</p>
<p>Tambah <b>Pengebil baharu</b> sebagai kegemaran anda melalui HLB Connect</p>	<p><b>5 Mata</b> bagi penambahan yang berjaya.</p> <p><b>Catatan:</b> Pelanggan yang Layak hanya boleh memperoleh maksimum 30 Mata untuk Transaksi yang Layak ini sepanjang Tempoh Promosi.</p>

<p>Jadualkan <b>Pemindahan atau Pembayaran berulang</b> (minimum RM10 setiap pemindahan atau pembayaran) melalui HLB Connect</p>	<p><b>5 Mata</b> bagi penjadualan yang berjaya.</p> <p><b>Catatan:</b> Pelanggan yang Layak hanya boleh memperoleh maksimum 20 Mata untuk Transaksi yang Layak ini sepanjang Tempoh Promosi.</p>
<p>Tetapkan <b>Makluman Forex</b> untuk menerima pemberitahuan melalui HLB Connect</p>	<p><b>5 Mata</b> bagi penetapan pemberitahuan yang berjaya.</p> <p><b>Catatan:</b> Pelanggan yang Layak hanya boleh memperoleh maksimum 20 Mata untuk Transaksi yang Layak ini sepanjang Tempoh Promosi.</p>
<p>Tambah/Kemas kini <b>Alamat E-mel</b> anda untuk menerima e-Penyata melalui HLB Connect Online</p>	<p><b>5 Mata</b> bagi penambahan atau kemas kini yang berjaya.</p> <p><b>Catatan:</b> Pelanggan yang Layak hanya boleh memperoleh maksimum 5 Mata untuk Transaksi yang Layak ini sepanjang Tempoh Promosi.</p>
<p>Lakukan <b>Pengeluaran ATM Connect</b> (minimum RM50 setiap pengeluaran) daripada mana-mana ATM HLB melalui HLB Connect App</p>	<p><b>5 Mata</b> bagi pengeluaran yang berjaya.</p> <p><b>Catatan:</b> Pelanggan yang Layak hanya boleh memperoleh maksimum <b>harian</b> 5 Mata untuk Transaksi yang Layak ini sepanjang Tempoh Promosi.</p>
<p>Lakukan <b>Tambah Nilai Kad Debit Junior</b> (minimum RM10 setiap tambah nilai) melalui HLB Connect Online</p>	<p><b>5 Mata</b> bagi penambahan nilai yang berjaya.</p> <p><b>Catatan:</b> Pelanggan yang Layak hanya boleh memperoleh maksimum <b>harian</b> 5 Mata untuk Transaksi yang Layak ini sepanjang Tempoh Promosi.</p>
<p>Bayar bil dengan <b>JomPAY</b> (minimum RM10 setiap pembayaran bil) melalui HLB Connect</p>	<p><b>5 Mata</b> bagi pembayaran yang berjaya.</p> <p><b>Catatan:</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Pelanggan yang Layak hanya boleh memperoleh maksimum <b>harian</b> 30 Mata untuk Transaksi yang Layak ini sepanjang Tempoh Promosi.</li> <li>• Pada 07 Julai 2023, Pelanggan yang Layak boleh memperoleh 2x Mata (contoh: peroleh 10 Mata untuk setiap pembayaran dan maksimum <b>harian</b> 60 Mata).</li> <li>• Pelanggan yang Layak juga boleh memperoleh Pulangan Tunai Segera dari 13 Julai 2023 hingga 31 Julai 2023.</li> </ul>
<p>Lakukan <b>Tambah Nilai Prabayar</b> (minimum RM10 setiap tambah nilai) melalui HLB Connect</p>	<p><b>5 Mata</b> bagi penambahan nilai yang berjaya.</p> <p><b>Catatan:</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Pelanggan yang Layak hanya boleh memperoleh maksimum <b>harian</b> 20 Mata untuk Transaksi yang Layak ini sepanjang Tempoh Promosi.</li> <li>• Pada 07 Julai 2023, Pelanggan yang Layak boleh memperoleh 2x Mata (contoh: peroleh 10 Mata untuk setiap tambah nilai dan maksimum <b>harian</b> 40 Mata).</li> </ul>

	<ul style="list-style-type: none"> <li>Pelanggan yang Layak juga boleh memperoleh Pulangan Tunai Segera dari 10 Julai 2023 hingga 31 Julai 2023.</li> </ul>
Lakukan <b>pembayaran dengan FPX</b> (minimum RM15 setiap pembayaran) melalui HLB Connect Online	<p style="text-align: center;"><b>2 Mata</b> bagi pembayaran yang berjaya.</p> <p style="text-align: center;"><b>Catatan:</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Pelanggan yang Layak hanya boleh memperoleh maksimum <b>harian</b> 30 Mata untuk Transaksi yang Layak ini sepanjang Tempoh Promosi.</li> <li>Pada 07 Julai 2023, Pelanggan yang Layak boleh memperoleh 2x Mata (contoh: peroleh 4 Mata untuk setiap pembayaran dan maksimum <b>harian</b> 60 Mata).</li> <li>Pelanggan yang Layak juga boleh memperoleh Pulangan Tunai pada 07 Julai 2023 dan 25 Julai 2023.</li> </ul>
Bayar menggunakan <b>QR Pay</b> (minimum RM10 setiap pembayaran) kepada mana-mana peniaga DuitNow melalui HLB Connect App	<p style="text-align: center;"><b>2 Mata</b> bagi pembayaran yang berjaya.</p> <p style="text-align: center;"><b>Catatan:</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Pelanggan yang Layak hanya boleh memperoleh maksimum <b>harian</b> 30 Mata untuk Transaksi yang Layak ini sepanjang Tempoh Promosi.</li> <li>Pada 07 Julai 2023, Pelanggan yang Layak boleh memperoleh 2x Mata (contoh: peroleh 4 Mata untuk setiap pembayaran dan maksimum <b>harian</b> 60 Mata).</li> <li>Pelanggan yang Layak juga boleh memperoleh Pulangan Tunai Segera dari 01 Julai 2023 hingga 31 Julai 2023.</li> </ul>
Lakukan <b>Pemindahan DuitNow</b> (minimum RM10 setiap pemindahan) ke <b>Nombor Telefon Mudah Alih/Kad Pengenalan/Pasport/Pendaftaran Perniagaan</b> melalui HLB Connect	<p style="text-align: center;"><b>1 Mata</b> bagi pemindahan yang berjaya.</p> <p style="text-align: center;"><b>Catatan:</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Pelanggan yang Layak hanya boleh memperoleh maksimum <b>harian</b> 10 Mata untuk Transaksi yang Layak ini sepanjang Tempoh Promosi.</li> <li>Pada 07 Julai 2023, Pelanggan yang Layak boleh memperoleh 2x Mata (contoh: peroleh 2 Mata untuk setiap pemindahan dan maksimum <b>harian</b> 20 Mata).</li> </ul>

**PEMENUHAN HADIAH UTAMA, HADIAH NAIB JOHAN, HADIAH SAGUHATI & PULANGAN TUNAI**

7. Senarai Pemenang Hadiah dan Pulangan Tunai (sebagai Pulangan Tunai yang diperoleh daripada melaksanakan FPX) akan diterbitkan di <https://www.hlb.com.my/connectawards> (“**Laman Web Promosi**”) pada 22 September 2023. Menjadi tanggungjawab Pemenang untuk menyemak sama ada mereka telah menang dengan melawati Laman Web Promosi dalam tarikh yang ditetapkan.
8. Jumlah Hadiah dan Pulangan Tunai untuk Promosi ini adalah:
  - (i) Peruntukan Hadiah Utama terhad kepada sepuluh (10) unit Motosikal Yamaha Ego Avantiz;
  - (ii) Peruntukan Hadiah Naib Johan terhad kepada tiga puluh lima (35) keping MHgiftcard bernilai Seribu Ringgit Malaysia (RM1,000);
  - (iii) Peruntukan Hadiah Saguhati terhad kepada maksimum Tujuh Ribu Tujuh Ratus Ringgit Malaysia (RM7,700); dan



- (iv) Peruntukan Pulangan Tunai terhad kepada maksimum Dua Ratus Empat Ribu Ringgit Malaysia (RM204,000).

Hadiah Utama, Hadiah Naib Johan dan Hadiah Saguhati akan diberikan mengikut kaedah pemilihan Pemenang yang dinyatakan dalam Jadual 2 di atas. Pulangan Tunai ("**Pemenang Pulangan Tunai**") akan diberi berdasarkan siapa cepat dia dapat, mengikut kaedah pemilihan Pemenang yang dinyatakan dalam Jadual 1 di atas.

9. Pemenang Hadiah Utama ("**Pemenang Hadiah Utama**") perlu mengambil sendiri hadiah mereka dengan membawa bersama kad pengenalan mereka (NRIC/Pasport) dan surat kemenangan yang dikeluarkan oleh Bank untuk menuntut Hadiah Utama mereka di pengedar motosikal yang ditentukan antara 30 November 2023 dan 31 Januari 2024, dan sekiranya gagal, Hadiah Utama akan dibatalkan. Pemenang Hadiah Utama mesti hadir dan tidak boleh mencalonkan wakil untuk melakukan pendaftaran motosikal. Para Pemenang Hadiah Utama akan menanggung semua kos dan perbelanjaan yang berkaitan (termasuk yuran penghantaran, perjalanan, yuran pendaftaran, cukai jalan, nombor plat, insurans, perbelanjaan dikeluarkan sendiri, fi penyelenggaraan, dan sebagainya) untuk menuntut Hadiah Utama dan mendaftar motosikal.
10. **Pemenang Hadiah Utama yang diumumkan daripada Promosi HLB Connect sebelum ini yang disenaraikan di bawah tidak akan layak mendapat Hadiah Utama dalam Promosi ini:**
- (i) Promosi Ramadan & Raya HLB Connect 2023; dan
  - (ii) Promosi CNY HLB Connect 2023.
11. Hadiah Naib Johan akan dihantar melalui SMS, e-mel atau pemberitahuan tolak dalam HLB Connect App (berdasarkan maklumat, nombor telefon mudah alih dan/atau alamat e-mel Pelanggan yang Layak dalam rekod Bank) pada 30 November 2023. Menjadi kewajipan pemenang Hadiah Naib Johan ("**Pemenang Hadiah Naib Johan**") untuk menghubungi Bank jika Hadiah Naib Johan tidak diterima sebelum 14 Disember 2023, dan sekiranya gagal, Pemenang Hadiah Naib Johan dianggap telah menerima Hadiah Naib Johan, dan sebarang tuntutan untuk pembayaran balik selepas 14 Disember 2023 tidak akan diproses. Bank tidak mempunyai kewajipan untuk memaklumkan Pemenang Hadiah Naib Johan tentang pemenuhan/penghantaran Hadiah Naib Johan. Pelanggan yang Layak dihendaki menyemak SMS/e-mel mereka atau mengakses HLB Connect App mereka pada selang masa yang kerap untuk menyemak status pemenuhan/penghantaran Hadiah Naib Johan.
12. Hadiah Naib Johan adalah tertakluk kepada set terma dan syaratnya sendiri yang dikeluarkan oleh Malaysia Airlines Berhad (201401040794(1116944-X)), yang boleh didapati di <https://www.malaysiaairlines.com/my/en/plan-your-trip/mhgiftcard.html> ("**Laman Web Malaysia Airlines Berhad**"). Pemenang Hadiah Naib Johan perlu mengakses Laman Web Malaysia Airlines Berhad untuk melihat terma dan syarat tersebut.
13. Hadiah Saguhati dan Pulangan Tunai (sebagai Pulangan Tunai yang diperoleh daripada melaksanakan FPX) akan dikreditkan ke dalam CASA/CASA-i yang dibuka dan diselenggara oleh pemenang Hadiah Saguhati ("**Pemenang Hadiah Saguhati**") dan/atau pemenang Pulangan Tunai dengan Bank pada 30 November 2023.
14. Pulangan Tunai (diperolehi daripada melaksanakan FPX) adalah atas dasar siapa cepat dia dapat sehingga jumlah peruntukan habis untuk setiap Tarikh Promosi. Bank tidak mempunyai kewajipan untuk memaklumkan Pelanggan yang Layak sebaik sahaja had bagi setiap Tarikh Promosi telah dicapai.

15. Menjadi kewajiban Pemenang Hadiah Saguhati dan Pulangan Tunai (sebagai Pulangan Tunai yang diperolehi daripada melaksanakan FPX) untuk menghubungi Bank jika Pulangan Tunai tidak diterima sebelum 14 Disember 2023, dan sekiranya gagal, Pemenang Hadiah Saguhati dan/atau Pulangan Tunai dianggap telah menerima Hadiah Saguhati dan/atau Pulangan Tunai, dan sebarang tuntutan untuk pembayaran balik selepas 14 Disember 2023 tidak akan diproses. Oleh itu, Pemenang Hadiah Saguhati dan/atau Pulangan Tunai mesti mengekalkan CASA/CASA-i yang aktif dan sah dengan Bank sehingga 14 Disember 2023.
16. Pulangan Tunai Segera (sebagai Pulangan Tunai yang diperolehi daripada QR Pay, JomPAY dan Tambah Nilai Prabayar) akan dikreditkan ke dalam CASA/CASA-i Pemenang serta-merta selepas transaksi selesai dan berjaya. Sebaik sahaja jumlah peruntukan mingguan telah dicapai, tiada Pulangan Tunai Segera akan diberikan kepada Pelanggan yang Layak untuk baki jam atau hari dalam minggu tersebut. Bank tidak mempunyai kewajiban untuk memaklumkan Pelanggan yang Layak sebaik sahaja had jumlah peruntukan mingguan telah dicapai.
17. Setiap Pemenang layak menerima hanya satu (1) Hadiah dan/atau sehingga maksimum Pulangan Tunai Tiga Puluh Ringgit Malaysia (RM30) sepanjang Tempoh Promosi.
18. Hadiah dan Pulangan Tunai tidak boleh dipindah milik kepada mana-mana pihak ketiga dan tidak boleh ditukar dengan produk lain, wang tunai, kredit pendahuluan, cek dan/atau manfaat barangan.
19. Untuk mengelakkan keraguan, Bank tidak membuat apa-apa representasi atau jaminan berkenaan dengan kualiti atau kesesuaian Hadiah Utama dan Hadiah Naib Johan (termasuk tetapi tidak terhad kepada nilai, kesahihan dan/atau penggunaan Hadiah Utama dan Hadiah Naib Johan dan tidak akan bertanggungjawab untuk menggantikan Hadiah yang hilang, dicuri atau rosak). Pemenang Hadiah Utama dan Pemenang Hadiah Naib Johan hendaklah berurusan secara terus dengan pengilang/penjual/peniaga untuk sebarang pertanyaan, pertikaian, maklumat waranti atau tuntutan yang berkaitan dengan Hadiah tanpa mendapatkan bantuan daripada Bank. Semua risiko, kerugian, kerosakan dan/atau kecederaan yang berkait dengan penggunaan Hadiah hendaklah ditanggung oleh Pemenang Hadiah Utama dan Pemenang Hadiah Naib Johan.
20. Bank berhak untuk menggantikan Hadiah Utama dan Hadiah Naib Johan dengan apa-apa barangan lain atau Pulangan Tunai yang sama nilai mengikut budi bicaranya dengan notis awal.
21. Setakat yang dibenarkan oleh undang-undang, Bank tidak bertanggungjawab ke atas semua liabiliti yang timbul daripada sebarang penangguhan atau kelewatan dalam menyediakan Hadiah dan Pulangan Tunai disebabkan sebarang keadaan yang tidak dijangka di luar kawalan munasabah Bank.
22. Hadiah akan disediakan secara "Seperti Seadanya". Hadiah yang dipaparkan dalam semua bahan bercetak dan/atau laman web Bank bertujuan sebagai ilustrasi semata-mata. Sebarang prop, aksesori atau peralatan yang dipaparkan bersama Hadiah dalam mana-mana bahan bergambar adalah untuk tujuan dekorasi dan tidak membentuk sebahagian daripada Hadiah.

#### **AM**

23. Dengan menyertai Promosi ini, Pelanggan yang Layak:
  - (i) mengesahkan bahawa mereka telah membaca, dan memahami T&S dan bersetuju untuk terikat dengan T&S yang terkandung di sini;
  - (ii) bersetuju bahawa semua rekod pengisian syarat yang direkod oleh sistem Bank dalam Tempoh Promosi dan pemilihan untuk Hadiah dan Pemenang Pulangan Tunai adalah muktamad;

- (iii) bersetuju bahawa keputusan Bank mengenai semua perkara berkaitan Promosi adalah muktamad, tidak boleh dipertikaikan dan terikat bagi semua Pelanggan yang Layak;
- (iv) memberi kebenaran dan kuasa kepada Bank untuk mendedahkan nombor telefon mudah alih mereka kepada M3 Technologies (Asia) Berhad (199901007872 (482662-D)) dan/atau Infobip Asia Pacific Sdn Bhd (201001014145 (898379-U)) dan/atau alamat e-mel kepada DCatalyst Sdn Bhd (200801017996 (819292-U)), penyedia perkhidmatan yang dilantik oleh Bank untuk menyediakan perkhidmatan SMS dan/atau e-mel bagi tujuan Promosi ini;
- (v) bersetuju untuk bertanggungjawab memberikan butiran hubungan mereka yang sah dan terkini kepada Bank termasuk nombor telefon mudah alih dan alamat e-mel, dan memaklumkan Bank dengan segera sekiranya berlaku sebarang perubahan. Bank tidak akan bertanggungjawab sekiranya Bank tidak dapat menghubungi Pelanggan yang Layak, jika berkenaan, disebabkan nombor telefon mudah alih yang tidak tepat/tidak sah dan/atau alamat e-mel yang diberikan oleh Pelanggan yang Layak atau SMS dan/atau e-mel tidak dapat dihantar atas sebarang sebab sekalipun;
- (vi) membenarkan Bank untuk menggunakan, mendedahkan atau menyiarkan data peribadi mereka (iaitu, nama dan ID bertopeng dan/atau nombor akaun yang disembunyikan), gambar dan video Pemenang untuk tujuan publisiti, pengiklanan atau promosi dalam mana-mana media tanpa bayaran;
- (vii) bersetuju untuk mengakses <https://www.hlb.com.my/connectawards> ("**Laman Web Promosi**") pada selang masa yang kerap untuk melihat T&S Promosi dan memastikan mereka mengetahui sebarang perubahan atau perbezaan terkini mengenai T&S tersebut;
- (viii) bersetuju bahawa sebarang SMS dan/atau e-mel yang dihantar kepada Pelanggan yang Layak bergantung sepenuhnya pada ketersediaan dan kualiti perkhidmatan/penyedia rangkaian yang berkaitan dan memahami sepenuhnya bahawa Bank tidak mempunyai sebarang kawalan dalam keadaan sedemikian:
  - (a) SMS tertangguh, tidak dihantar atau menghadapi sebarang isu penghantaran disebabkan kesesakan trafik SMS, kegagalan rangkaian dan/atau gangguan yang mungkin dialami oleh rangkaian telekomunikasi yang berkaitan; dan/atau
  - (b) e-mel ditangguhkan, tidak dihantar atau menghadapi sebarang isu penghantaran oleh penyedia perkhidmatan e-mel yang berkaitan, termasuk tetapi tidak terhad kepada pengalihan atau penapisan e-mel tersebut sebagai junk atau spam e-mel oleh penyedia perkhidmatan e-mel Pelanggan yang Layak (selepas ini dirujuk kepada sebagai "**Kegagalan Rangkaian**").

Oleh demikian, Bank tidak akan bertanggungjawab atau menanggung sebarang kerugian atau perbelanjaan yang ditanggung oleh Pelanggan yang Layak atau mana-mana pihak ketiga akibat sebarang kelewatan atau kegagalan dalam menerima sebarang penghantaran SMS dan/atau e-mel daripada Bank disebabkan oleh Kegagalan Rangkaian. Tiada rayuan atas kelewatan atau kegagalan tersebut akan diproses;

- (ix) bersetuju untuk bertanggungjawab ke atas sebarang caj telekomunikasi atau Wi-Fi, caj perayauan atau telefon, sama ada di dalam atau di luar Malaysia hasil daripada komunikasi dengan Bank yang berkaitan dengan Promosi ini; dan
  - (x) bersetuju untuk bertanggungjawab dan secara peribadi menanggung semua cukai, yuran kerajaan atau sebarang bayaran lain yang berkaitan yang dikenakan terhadap mereka di bawah undang-undang yang terpakai, sekiranya ada, berhubung dengan penyertaan mereka dalam Promosi ini.
24. Bank berhak:
- (i) dengan memberikan notis awal kepada Pelanggan yang Layak, untuk menambah, memadam, menggantung atau meminda T&S yang terkandung dengan cara menyiarkan tambahan, pemadaman, penggantungan atau pindaan T&S atau penamatan Promosi ini di Laman Web Promosi; dan

- (ii) menarik balik Hadiah dan Pulangan Tunai sekiranya Pelanggan yang Layak tidak mematuhi sebarang T&S di sini, terma dan syarat CASA/CASA-i, Terma dan Syarat Am Akaun, Terma dan Syarat untuk penggunaan HLB Connect, dan semua undang-undang/peraturan lain yang berkenaan.
25. Sebagai tambahan kepada T&S yang ditetapkan di sini, Pelanggan yang Layak bersetuju bahawa terma dan syarat CASA/CASA-i, Terma dan Syarat Am Akaun, serta Terma dan Syarat untuk penggunaan HLB Connect hendaklah dibaca bersama-sama dengan T&S ini sebagai keseluruhan perjanjian. Sekiranya terdapat sebarang percanggahan berkaitan dengan Promosi ini, T&S yang terkandung di sini akan digunakan bagi merangkumi percanggahan tersebut.
26. Sekiranya terdapat sebarang percanggahan antara T&S yang terkandung di sini dengan mana-mana iklan, promosi, publisiti dan bahan lain yang berhubung atau berkait dengan Promosi ini, T&S terakhir pada Laman Web Promosi akan diguna pakai.
27. T&S ini akan ditadbir dan dianggap mengikut undang-undang Malaysia dan Pelanggan yang Layak bersetuju untuk tunduk kepada bidang kuasa eksklusif Mahkamah Malaysia.
28. Melainkan dinyatakan sebaliknya, perkataan yang menunjukkan satu jantina termasuk semua jantina yang lain dan perkataan yang menandakan yang tunggal merangkumi jamak dan begitu juga sebaliknya.

Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan mengenai T&S ini, sila e-mel kami di [hlonline@hlbb.hongleong.com.my](mailto:hlonline@hlbb.hongleong.com.my) atau hubungi 03-7626 8899.